

Laporan RCI TH panduan perkara tadbir urus, perkukuh institusi



Oleh Mohd Ammyrul Ashraf Sairan
bhagama@bh.com.my

Penubuhan Lembaga Tabung Haji (TH) lebih enam dekad lalu adalah satu inovasi besar dunia Islam apabila berjaya menggabungkan konsep simpanan, pelaburan dan pengurusan ibadah haji dalam institusi berteraskan syariah.

Kejayaan model ini bukan sahaja menjadi kebanggaan Malaysia, malah dijadikan rujukan banyak negara Islam. Justeru, apabila Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji diterbitkan, masyarakat sewajarnya melihatnya bukan sekadar sebagai pendedahan terhadap kelemahan pengurusan, sebaliknya sebagai ruang muhasabah memperkukuh institusi menguruskan amanah jutaan pendeposit Islam.

Hakikatnya, paparan RCI tidak seharusnya dibaca dalam kerangka politik atau sentimen kepartian. Sebaliknya, laporan itu perlu dinilai daripada perspektif tadbir urus, akauntabiliti dan amanah yang menjadi asas kepada pentadbiran Islam.

Sesebuah institusi membawa nama Islam tidak memadai sekadar beroperasi menggunakan kontrak patuh syariah, bahkan seluruh proses membuat keputusan, pelaburan kewangan dan pengurusan risiko mestilah mencerminkan nilai Islam sebenar.

Antara dapatan paling signifikan ialah pendedahan Bank Negara Malaysia (BNM) mengemukakan beberapa surat peringatan kepada pengurusan TH sejak 2014.

Kandungan surat berkenaan menyentuh aspek kecairan kewangan, pengambilan deposit, kedudukan rizab dan risiko terhadap kestabilan institusi. Perkara ini menunjukkan mekanisme semakan dan imbang berfungsi lebih awal.

Namun, sesuatu sistem pengawasan hanya akan memberi manfaat sekiranya setiap teguran diterima dengan sikap terbuka dan diterjemahkan kepada tindakan pembedahan.

Dalam Islam, budaya menerima nasihat sebahagian daripada prinsip kepemimpinan yang baik. Rasulullah SAW menegaskan agama itu nasihat (HR Abu Ruqayah).

Maksud hadis ini amat luas kerana nasihat bukan sekadar teguran secara individu, bahkan merangkumi proses tadbir urus membolehkan sesuatu institusi sentiasa diperbaiki melalui pandangan pihak berkepentingan. Mengabaikan teguran berasaskan fakta membawa kesan lebih besar kepada organisasi dan masyarakat.

Laporan RCI turut membangkitkan persoalan mengenai pengagihan hibah kepada pendeposit ketika kedudukan aset bersih lebih rendah daripada liabiliti. Dari sudut ekonomi, pembayaran hibah tinggi mampu meningkatkan keyakinan pendeposit dalam jangka pendek.

Namun dari perspektif syariah, keuntungan diagihkan mestilah berasaskan kemampuan sebenar institusi dan bukan bergantung kepada angka tidak menggambarkan realiti kewangan. Amanah menguruskan dana menuntut setiap keputusan dibuat secara telus dan berasaskan fakta sahih.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 58 bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya..." menjadi asas sangat penting memahami konsep tadbir urus Islam.

Amanah bukan sekadar mengelakkan penyelewengan, bahkan memastikan setiap hak diberikan berdasarkan keadaan sebenar tanpa sebarang unsur boleh mengelirukan masyarakat.

Ketelusan antara ciri terpenting dalam sistem ke-



Amanah bukan sekadar mengelakkan penyelewengan, bahkan memastikan setiap hak diberikan berdasarkan keadaan sebenar tanpa sebarang unsur boleh mengelirukan masyarakat.

wangan Islam. Bahkan al-Quran mengajar umat Islam supaya setiap urusan kewangan direkodkan dengan jelas seperti ditegaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 282. Ayat ini menjelaskan dalam transaksi, ketepatan rekod dan keadilan dalam dokumentasi.

Prinsip ini menunjukkan Islam sejak awal lagi meletakkan tadbir urus kewangan sebagai sebahagian daripada tuntutan agama. Begitu juga dengan hak subsidi haji menelan perbelanjaan besar setiap tahun.

Walaupun subsidi memberi manfaat kepada bakal jemaah, kelestariannya perlu dinilai berdasarkan kemampuan kewangan sebenar institusi.

Laksana bantuan secara adil

Islam menggalakkan kebajikan, namun setiap bentuk bantuan hendaklah dilaksanakan secara adil dan lestari supaya tidak mengorbankan hak pihak lain. Dalam konteks ini, pendekatan lebih bersasar dan berasaskan keperluan sebenar mungkin lebih menepati semangat maqasid syariah.

Pandangan hampir sama turut sering diketengahkan Prof Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abd Majid menekankan pengurusan harta umat satu bentuk amanah akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

Oleh itu, setiap dasar, pelaburan dan keputusan kewangan hendaklah sentiasa berpuadukan prinsip masalah, keadilan dan tanggungjawab moral, bukan pertimbangan keuntungan sahaja. Justeru, laporan RCI TH sewajarnya menjadi titik tolak kepada pembaharuan lebih menyeluruh.

- Pertama, budaya tadbir urus perlu diperkasakan melalui ketelusan lebih tinggi dalam pelaporan kewangan serta komunikasi lebih terbuka kepada pendeposit.
- Kedua, setiap teguran daripada badan pengawal selia hendaklah diambil kira dan diambil tindakan secara profesional melalui mekanisme pemantauan jelas.
- Ketiga, pembayaran hibah hendaklah benar-benar berpandukan keutuhan diaudit dan memenuhi kehendak Akta Tabung Haji serta piawaian perakaunan.
- Keempat, pengurusan risiko perlu diperkukuhkan supaya institusi tidak terlalu bergantung kepada pendeposit besar atau strategi pelaburan yang berisiko tinggi.

- Kelima, pendidikan literasi kewangan Islam kepada masyarakat perlu dipertingkatkan supaya pendeposit memahami pulangan stabil dan mampan jauh lebih penting daripada kadar hibah tinggi tetapi tidak berasaskan kedudukan kewangan sebenar.

Akhirnya, umat Islam perlu melihat laporan RCI ini dengan jiwa matang. Tujuan utama pendedahan kelemahan bukan menjatuhkan institusi menjadi kebanggaan negara, tetapi memastikan TH terus diyakini dan mampu berkhidmat kepada generasi akan datang.

Dalam Islam, muhasabah adalah jalan menuju ilah atau pembaikan. Sebagaiman individu dituntut memperbaiki kelemahan diri, institusi menguruskan amanah umat juga perlu sentiasa bersedia melakukan pembaharuan.

TH banyak berjasa kepada umat Islam Malaysia dan sumbangannya tidak boleh dinafikan. Namun, jasa silam tidak boleh dijadikan alasan menutup ruang penambahbaikan.

Sebaliknya, pengajaran daripada laporan RCI hendaklah dijadikan asas membina institusi lebih kukuh, telus dan menepati falsafah Islam.

Apabila amanah dipelihara, tadbir urus diperkasakan dan integriti dijadikan budaya, maka keyakinan masyarakat kembali subur. Itulah hakikat kejayaan sebenar institusi Islam bukan sahaja cemerlang dari sudut kewangan, tetapi mendapat keberkatan dari sisi Allah SWT.